

KENYATAAN MEDIA

KERJASAMA STRATEGIK LPNM, SLDB & LPP BUKA LEMBARAN BAHARU INDUSTRI NANAS SABAH

Kota Kinabalu, 02 Ogos 2025 – Industri nanas Sabah kini memasuki fasa pembangunan baharu melalui pemeteraian satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Perjanjian Kerjasama Pembangunan Tanaman Nanas Negeri Sabah antara LPNM dan LPP. Kedua perjanjian ini termenterai di Hari Peladang, Peternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) yang berlangsung pada 1-3 Ogos 2025 di SICC, Kota Kinabalu, Sabah.

Kerjasama tiga penjuru ini merupakan langkah strategik yang bakal memacu pertumbuhan sektor nanas di Sabah, seterusnya memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai pengeluar nanas berdaya saing di peringkat global. Majlis disaksikan oleh YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu dan Timbalan Menteri KPKM, YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup.

Sabah: Potensi Besar Industri Nanas Negara

Sabah merupakan antara negeri yang dikenal pasti mempunyai potensi besar untuk pengembangan industri nanas berikutan keluasan tanahnya yang sesuai, iklim tropika yang stabil serta sokongan kerajaan negeri yang progresif terhadap pembangunan komoditi. Dengan kemasukan pelaburan, teknologi dan kepakaran yang lebih tersusun, industri nanas di Sabah diyakini mampu menyumbang lebih besar kepada sekuriti makanan, pembangunan ekonomi luar bandar dan pasaran eksport negara. Pada masa kini, Sabah merupakan negeri ke-empat terbesar selepas Johor, Sarawak dan Pahang bagi penanaman nanas dengan keluasan 1,370 hektar daripada keseluruhan 18,640 hektar keluasan tanaman nanas negara.

Empat Fokus Utama Kerjasama

Melalui MoU ini, beberapa bidang kerjasama utama akan dilaksanakan:

1. Pembangunan Tanah

- Tanah milik SLDB akan dimanfaatkan secara terancang untuk projek tanaman nanas berskala komersial, selaras dengan dasar Kementerian Pertanian Negeri Sabah.

2. Pembangunan Teknologi & Varieti Baharu

- LPNM akan memacu pembangunan teknologi tanaman serta memperkenalkan varieti nanas yang berkualiti tinggi, bernilai tambah dan memenuhi permintaan pasaran tempatan serta antarabangsa.

3. Pemindahan Kemahiran & Teknologi

- Program latihan, pemindahan ilmu serta demonstrasi teknologi akan dilaksanakan bersama LPP bagi memperkasakan keupayaan usahawan tani dan peladang di Sabah.

4. Pengukuhan Ekosistem Industri

- Modul pengeluaran, pemasaran dan galakan industri akan dibangunkan secara bersama bagi memastikan kesinambungan rantai nilai dan memperluas akses pasaran untuk produk nanas tempatan.

Lonjakan Strategik ke Arah Industri Nanas Mampan

Kerjasama ini adalah manifestasi komitmen kami untuk membina industri nanas yang lebih berstruktur, berteknologi dan mampan. Sabah bukan sahaja berpotensi menjadi hab pengeluaran nanas, malah menjadi peneraju kepada eksport nanas Malaysia ke pasaran Asia Timur dan Timur Tengah.

Manakala SLDB dan LPP turut menyatakan sokongan penuh terhadap inisiatif ini, dan bersedia memainkan peranan masing-masing dalam menyokong pengembangan sektor nanas melalui sumber tanah, jaringan peladang serta kepakaran teknikal dan logistik yang dimiliki.

Tempoh & Tindakan Susulan

MoU ini akan berkuat kuasa selama tiga (3) tahun dan boleh diperbaharui atas persetujuan bersama. Pelaksanaan aktiviti akan diselaraskan melalui pelantikan wakil dari setiap agensi yang akan memantau kemajuan, merancang pelaksanaan dan menilai impak inisiatif bersama ini.

Dikeluarkan oleh:

Tuan Sheikh Umar Bagharib bin Ali

Pengerusi

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)

